

# PEMETAAN KOMUNITI

## ORANG ASLI

POS SUNGAI RUAL, JELI, KELANTAN  
(VERSI INFOGRAFIK)

Disediakan oleh:

**W. A. Amir Zal**

Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK)  
Universiti Malaysia Kelantan



Copyright © PENERBIT UMK, 2018

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada **Penerbit Universiti Malaysia Kelantan**.

**Judul buku & nama penulis/editor :** W.A. Amir Zal  
“Laporan Pemetaan Komuniti Orang Asli Sungai Rual, Jeli, Kelantan”

**Nombor ISBN :** 978-967-2229-10-0

**Pereka :**

Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK)  
Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachok, Kelantan, Malaysia

**Diterbitkan oleh :**

Penerbit UMK  
Universiti Malaysia Kelantan  
Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu  
Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa,  
16100 Kota Bharu,  
Kelantan

**Dengan Kerjasama :**

Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK)  
Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachok, Kelantan, Malaysia

**Dicetak oleh :**

Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK)  
Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachok, Kelantan, Malaysia

☎ 09-7797524

✉ [inspek@umk.edu.my](mailto:inspek@umk.edu.my)

🌐 <http://www.inspek.umk.edu.my/>

# ISI KANDUNGAN

<b>Perkara</b>	<b>Halaman</b>
Prakata	i
Penghargaan	ii
Ringkasan Eksekutif	iii-iv
Penemuan Utama	v-vi
<b>Pengenalan</b>	
Objektif Pemetaan	2
Metodologi Kajian	2-3
<b>Hasil Kajian Kuantitatif- Pemetaan Modal Komuniti</b>	
Pemetaan Demografi	5-12
Modal Insan	14-17
Modal Sosial	19
Modal Ekonomi	21-24
Modal Semula jadi	26
Modal Budaya	28
<b>Hasil Kajian Kualitatif (NGT)- Program Pemeriksaan Ekonomi Berasaskan Potensi</b>	
Hasil Nominal Group Technique (NGT)	30-32
Program Pemindahan Ilmu InsPeK	33
<b>Rumusan, Implikasi dan Cadangan</b>	
Perincian Rumusan, Implikasi dan Cadangan	35-40
Penubuhan “Makmal Jaringan Sosial (Social Network Laboratory- SNL) InsPeK”	41

# PRAKATA

Assalamu alaikum wbt dan salam sejahtera.

**I**nstitut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merupakan sebuah Pusat Kecemerlangan (Center of Excellence- CoE) yang menumpukan kepada usaha penyelidikan dan aktiviti menguruskan kemiskinan secara sistematik agar setiap rancangan menguruskan kemiskinan mempunyai impak yang lestari. Bagi memastikan semangat ini benar-benar dilaksanakan, InsPeK hanya menumpukan kepada penyelidikan jenis translasi dan program pemindahan ilmu yang berasaskan potensi dimiliki komuniti miskin sahaja.

Antara kumpulan sasaran yang mendapat perhatian InsPeK kali ini ialah komuniti Orang Asli di Pos Sungai Rual, Jeli, Kelantan. InsPeK telah mengambil inisiatif untuk membantu Orang Asli dan para pemegang taruh menguruskan kemiskinan secara sistematik melalui projek “Pemetaan Komuniti Orang Asli Sungai Rual”. Sebetulnya, pemetaan ini menjadi prasyarat ke InsPeK sebelum menubuhkan Makmal Jaringan Sosial (Social Network Laboratory- SNL) InsPeK yang mana dalam perancangan InsPeK, Pos Sungai Rual merupakan SNL InsPeK yang pertama.

InsPeK percaya, bagi menguruskan kemiskinan dengan berimpak lestari, segala perancangan yang dibuat bukan sahaja perlu disandarkan dengan fakta yang utuh, tetapi juga mesti berasaskan potensi yang ada pada sesebuah komuniti. Secara sistematiknya, InsPeK telah menggunakan pendekatan “Asset-based community development (ABCD)” untuk memetakan potensi yang dimiliki oleh Orang Asli di Pos Sungai Rual dalam bentuk modal insan, modal sosial, modal ekonomi, modal budaya dan modal semula jadi.

Uniknya pemetaan ini ialah, potensi yang ada dalam komuniti dipadankan pula dengan kepakaran yang ada pada agensi kerajaan, khususnya pada warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Padanan ini diteruskan lagi dengan melaksanakan projek pemerksaan ekonomi yang berimpak dalam kelompok kecil Orang Asli yang terpilih. Projek pemerksaan ekonomi tersebut dilaksanakan dengan sistematik melalui gabungan tiga (3) modul, iaitu 1) modul teras, 2) modul Neuro-linguistic programming (NLP), dan 3) modul pemasaran. Ini bermaksud, pemetaan yang dilaksanakan oleh InsPeK bukanlah hanya dalam bentuk usaha mendapatkan data sahaja, tetapi dilibatkan pula dengan rancangan membantu Orang Asli secara praktikal melalui program pemindahan ilmu.

Walau bagaimanapun, projek ini sama ada pemetaan atau program pemindahan ilmu, ia berjaya dilaksanakan dengan adanya kerjasama yang utuh dari pelbagai pihak, khususnya dari Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan pihak pimpinan tempatan. InsPeK amat optimis, projek ini bukan hanya mampu membantu Orang Asli keluar dari perangkap kemiskinan, tetapi juga boleh menjadi model kepada komuniti lain.

Tujuan laporan Pemetaan Komuniti Orang Asli Sungai Rual versi infografik ini dikeluarkan ialah agar hasil kajian dapat dipersembahkan dengan ringkas dan pembaca mudah memahaminya. Paling penting bagi InsPeK ialah, data yang diberikan dapat membantu semua pihak untuk bekerja bersama dalam menguruskan kemiskinan secara berimpak lestari.

Sekian, terima kasih.

“Bekerja Bersama Mendayaupayakan Komuniti”  
“Together Empowering Community”

**Profesor Madya Dr Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail**

Pengarah

Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK)

Universiti Malaysia Kelantan

Julai 2018

# PENGHARGAAN

Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) UMK mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua individu dan organisasi yang terlibat dalam projek Pemetaan Komuniti Orang Asli di Pos Sungai Rual, Jeli, Kelantan. Projek ini tidak dapat dilaksanakan dengan lancar sekiranya tanpa penglibatan mereka. Antara individu yang terlibat ialah tiga penghulu dari empat (4) buah kampung Orang Asli Sungai Rual. Mereka adalah Dollah bin Teras (penghulu kampung Manok), Rosli bin Salim (Kampung Sungai Rual, Kampung seberang dan Kampung Kalok) serta penghulu lantikan khas, Ramli bin Pisang.

Juga organisasi yang memberi komitmen penuh, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan para pegawainya, guru Sekolah Rendah (A) Sungai Rual dan individu-individu lain tidak disebut disini. Kami juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua para pembanci yang terdiri daripada pelajar UMK yang bertungkus-lumus untuk mengumpulkan data sehingga ke penghujung kampung, meskipun ada ketikanya berhadapan dengan sedikit cabaran. Juga kepada pihak program Empower-UMK yang bersama berada di lapangan, meskipun menumpukan kepada perkara berbeza, namun berjaya 'menghidupkan' suasana muhibah dengan penduduk tempatan melalui pelbagai program dan aktiviti yang menarik.

Tidak dilupakan kepada warga InsPeK yang komited untuk menyiapkan persiapan pelaksanaan projek ini di sebalik tabir, iaitu Puan Nor Dalila binti Ab Ghafar, Puan Suhaila binti Abd Manan dan Cik Nur Syafika Amira binti Shaari yang bertungkus-lumus memastikan projek

ini berjalan sebagaimana yang dirancang. Lebih-lebih lagi projek ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan baharu, iaitu berasaskan konsep 'markas' penyelidikan demi memastikan projek ini selesai di lapangan kajian juga.

Akhir sekali, penghargaan yang tidak terhingga kepada kesemua pendudukan kampung Sungai Rual, Jeli, Kelantan kerana dengan terbuka menerima kehadiran kami, khususnya membantu dengan memberi kerjasama kepada pembanci kami untuk memperoleh data.

Terima kasih.

Penulisan laporan ini dibantu oleh :

- Dr. Nurhanan binti Abdul Rahman (Ketua Bahagian Perkhidmatan dan Akademik)
- Pn. Siti Asma binti Md Rasdi (Pegawai Penyelidik)
- En. Hafizi bin Mat Salleh (Pegawai Penyelidik)
- Cik Wan Asmira binti Wan Asri (Pembantu Penyelidik)
- Cik Noor Suzeta binti Saipudin (Pembantu Penyelidik)
- Pn Maisarah binti Che Ahmed (Pembantu Penyelidik)
- Pn Nurasyikin binti Ghazali (Pembantu Penyelidik).

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Orang Asli di Sungai Rual, Jeli, Kelantan mempunyai potensi sebagaimana masyarakat arus perdana. Malah, mereka memiliki potensi yang tidak ada pada komuniti lain dalam bentuk pengetahuan tradisional dan kearifan lokal (local wisdom). Namun, banyak kajian lain sebelum ini tidak mempertimbangkan elemen potensi ini sebagai penting untuk diperhatikan. Sedangkan, bagi memastikan sesebuah projek pembangunan memberi impak yang lestari, elemen potensi ini wajar diterokai dan seterusnya dimanfaatkan. Sedar dengan realiti tersebut, kajian ini dilaksanakan untuk memetakan modal komuniti dalam kalangan komuniti Orang Asli di Pos Sungai Rual, Jeli dan mencadangkan program pemerksaan ekonomi berasaskan potensi tersebut.

Kajian telah dilaksanakan berasaskan teori Pembangunan komuniti berasaskan Aset (Asset based Community Development- ABCD) yang mana teori ini memerlukan potensi yang ada pada komuniti dalam bentuk modal komuniti diterokai dan dikenal pasti. Modal komuniti yang terlibat dalam kajian ini ialah modal insan, ekonomi, sosial, budaya dan semula jadi. Seramai 133 orang Ketua Isi Rumah (KIR) di Pos Sungai Rual, Jeli, Kelantan telah dilibatkan dalam proses pengumpulan data. Data dikumpulkan dengan menggunakan borang soal selidik khas dan data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS yang melibatkan penggunaan statistik deskriptif.

Selain itu, data juga dikumpulkan dengan menggunakan kaedah “nominal group technique” (NGT). NGT ialah kaedah pengumpulan data yang ringkas, padat dan efisien untuk meneroka isu yang dikaji dan mampu menunjukkan hasil kajian serta-merta. Proses NGT dalam kajian mempunyai empat (4) fasa, iaitu 1) mengenal pasti masalah, 2) mengenal pasti keperluan, 3) mengenal pasti potensi komuniti dan 4) pengelompokan partisipan ke dalam Kumpulan Kecil Pemerksaan Ekonomi (KKPE).

Hasil kajian berkaitan modal insan menunjukkan responden lebih mahir dalam modal insan kontemporari berbanding dengan modal insan tradisional. Malah, mereka lebih mudah untuk akses modal insan kontemporari berbanding modal insan tradisional. Pembangunan yang menggunakan kawasan tertentu antara penyebab kepada responden sukar untuk akses kepada sumber modal insan tradisional, ini termasuklah disebabkan oleh sumbernya yang semakin berkurangan.

Berkaitan dengan modal sosial, hubungan mereka dengan individu lain adalah akrab, dan berada pada tahap tinggi. Hasil kajian berkaitan modal ekonomi pula menunjukkan responden berhadapan dengan bebanan ekonomi yang tinggi seperti harga barang keperluan dan kos sara hidup yang tinggi. Dalam masa yang sama, mereka tidak mempunyai pekerjaan yang tetap dan terlalu bergantung pada bantuan dari pihak tertentu. Selain itu, mereka tidak dapat berdikari untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi moden disebabkan kurang memiliki kemahiran dan pengetahuan berkaitan.

Kewujudan modal semula jadi menunjukkan potensi untuk digunakan mengusahakan aktiviti pertanian boleh diterokai. Namun, responden tidak mempunyai modal yang mencukupi untuk memulakan aktiviti pertanian untuk penajaan pendapatan yang konsisten dan menjadikannya sebagai punca pendapatan utama. Penglibatan responden dalam aktiviti ekonomi baharu seperti kebun getah dan ladang sawit menunjukkan keinginan mereka untuk berubah dan memperoleh pendapatan yang lebih baik. Mereka sanggup memberikan kerjasama kepada semua pihak untuk merealisasikan.

Hasil dari NGT pula mendapati, berkaitan dengan masalah ekonomi, terdapat sebelas (11) masalah yang dihadapi oleh Orang Asli dan tiga yang paling utama ialah 1) nilai praktikal dari sistem pendidikan tidak sama dengan apa yang disangkakan oleh Orang Asli, 2) pesimis pada kemampuan Orang Asli, dan 3) aktiviti ekonomi Orang Asli yang tidak konsisten.

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Manakala hasil berkaitan keperluan Orang Asli dalam ekonomi pula menunjukkan, tiga belas (13) projek ekonomi yang diperlukan dan tiga keperluan ekonomi yang utama adalah 1) Ternakan ikan, 2) Tanaman pisang; dan 3) Tanaman tebu.

Berkaitan dengan potensi ekonomi, terdapat enam (6) potensi ekonomi yang dipersetujui partisipan, dan tiga potensi ekonomi yang utama dipilih mereka adalah 1) Ternakan ikan, 2) Tanaman pisang, dan 3) Tanaman tebu. Kajian ini seterusnya mengelompokkan sebelas (11) orang partisipan ke dalam dua kelompok kecil pemerksaan ekonomi (KKPE) Pos Sungai Rual, iaitu kelompok penternakan ikan dan tanaman pisang.

Kesimpulan dari hasil kajian ini ialah modal komuniti yang dimiliki Orang Asli di Sungai Rual masih lagi tinggi kecuali modal insan tradisional. Mereka tersempit antara pengejalan modal komuniti dalam bentuk tradisional dan modal komuniti kontemporari. Khususnya modal insan tradisional dilihat tidak mampu untuk menjana pendapatan yang mencukupi kepada mereka dan mengalami kemerosotan pemilikannya. Manakala modal insan moden juga tidak sepenuhnya membantu mereka untuk berhadapan dengan perubahan dan tidak menjadi punca pergantungan sepenuhnya. Keadaan ini meletakkan mereka dalam keadaan terancam dan dilema.

Bagi tindakan yang praktikal, InsPeK mencadangkan projek pemerksaan ekonomi dilaksanakan melalui program pemindahan ilmu yang tersusun berasaskan potensi yang ada dalam kalangan Orang Asli di Sungai Rual. Ia melibatkan program pemindahan ilmu berkaitan ikan keli dan pisang ke atas dua kelompok kecil pemerksaan ekonomi (KKPE) yang mana akan mampu mengeluarkan mereka dari perangkap kemiskinan.



# PENEMUAN UTAMA

## Modal Demografi

- Tidak berlaku bebanan demografi dalam kalangan KIR dan AIR.
- Malah, Orang Asli mempunyai kekuatan demografi dari aspek umur yang produktif, pendidikan dan keupayaan untuk bekerja.
- Ramai pasangan KIR yang bekerja, namun hanya sebagai membantu pekerjaan yang dilakukan oleh KIR. Ia tidak menjadi sumber tambahan pendapatan yang signifikan untuk keluarga.
- Bilangan ahli keluarga semakin mengecil.
- Berlakunya transisi dari keluarga besar kepada keluarga nukleus.
- Ahli isi rumah yang ramai tidak bermakna semuanya menjadi tanggungan KIR.
- Peratus kelahiran dalam keluarga adalah lebih tinggi berbanding kematian.
- Peratus ahli keluarga KIR berhijrah keluar adalah lebih tinggi berbanding penghijrahan masuk ke kembali dalam komuniti.
- Peratus ahli keluarga berkahwin muda adalah tinggi dan pasangan yang lambat mendapat anak adalah rendah.
- Bilangan ahli keluarga yang mempunyai penyakit kronik adalah kecil.

## Modal Insan

- Tahap modal insan keseluruhan adalah berada pada tahap sederhana.
- Modal insan tradisional menunjukkan KIR tidak lagi menguasai modal insan tradisional. Begitu juga dengan modal insan kontemporari.
- Mereka mulai meninggalkan modal insan tradisional dan memberi tumpuan kepada modal insan kontemporari.
- Kemahiran modal insan tradisional adalah seimbangan antara mahir dan tidak mahir, dan ia bergantung pada jenis modal insan berkaitan.
- Kemahiran modal insan kontemporari adalah seimbangan antara mahir dan tidak mahir. Modal insan yang mahir adalah berkaitan dengan apa yang kerap dipraktikkan.
- Keperluan pada modal insan tradisional adalah berbeza-beza dan bergantung pada kebolehcapaian serta ada kepentingan untuk pertukaran nilai wang.

## Modal Sosial

- Modal sosial berada pada tahap tinggi, dan sedikit pada tahap sederhana dan rendah.
- Hubungan KIR dengan ahli keluarga dan komuniti (modal sosial ikatan) adalah tinggi. Begitu juga dengan pihak luar (modal sosial jaringan), termasuklah dengan pihak berkuasa tempatan dan berkepentingan, majoritinya adalah tinggi.
- Konflik dengan modal sosial adalah sangat rendah berlaku dalam kalangan KIR.

# PENEMUAN UTAMA

## Modal Ekonomi

- KIR memiliki aset beku yang boleh dimanfaatkan untuk jangka masa yang panjang.
- Lebih separuh KIR mempunyai persiapan dalam bentuk wang yang boleh digunakan segera.
- KIR menerima bantuan yang sepatutnya dan keperluannya adalah tinggi.
- Masalah ketara berlaku ialah sumber hutan semakin sukar untuk diperolehi dan semakin berkurangan. Ini menjadi cabaran kepada mereka untuk meneruskan aktiviti ekonomi berasaskan modal insan tradisional.
- KIR mempunyai hasrat yang tinggi untuk terlibat dan berpengetahuan berkaitan aktiviti ekonomi yang disertai.
- Program ekonomi yang dilaksanakan dalam kampung berlaku dalam bentuk yang positif.
- Dua keadaan ekonomi yang paling membebankan KIR, iaitu 1) kos sara hidup, dan 2) harga barang keperluan.
- Dua strategi yang paling dominan yang digunakan KIR untuk berhadapan dengan bebanan ekonomi, iaitu 1) biarkan dan, 2) meminta bantuan.

## Modal Semula Jadi

- Modal semula jadi dalam bentuk baharu paling tinggi ketersediaan dalam komuniti dan KIR memerlukan kesemua jenis modal semula jadi khususnya yang boleh meningkatkan pendapatan.
- KIR kerap akses kepada modal semula jadi yang menjadi sumber pendapatan mereka.

## Modal Budaya

- Kebanyakan KIR adalah bersedia untuk berubah.
- Perubahan persekitaran memberi kesan kepada KIR.
- Dua (2) strategi paling ketara digunakan KIR untuk berhadapan dengan perubahan di perkitaran ialah 1) meminta bantuan dan, 2) meningkatkan kemahiran baharu.

### Program Pemerksaan Ekonomi Berasaskan Potensi

- Sebelas (11) masalah yang dihadapi oleh Orang Asli.
- Tiga belas (13) projek yang diperlukan Orang Asli Sungai Rual.
- Hanya enam (6) projek ekonomi yang berpotensi.
- Dua (2) projek ekonomi boleh diusahakan, iaitu 1) penternakan ikan keli, dan 2) tanaman pisang.
- Pengelompokan peserta dalam Kumpulan Kecil Pemerksaan Ekonomi (KKPE) sebagai strategi pengurusan kemiskinan berfokus.

# PENGENALAN

Banyak kajian oleh pelbagai pihak yang telah dilaksanakan ke atas komuniti miskin sebelum ini, termasuklah ke atas Orang Asli. Namun, kajian-kajian tersebut tidak memfokus kepada potensi yang ada pada subjek kajian. Sebaliknya lebih menumpukan kepada permasalahan (problem based) dan keperluan (need based) mereka. Sedangkan, dalam usaha untuk membangunkan mereka secara berimpak lestari, elemen potensi perlu diberikan perhatian. Dalam masa yang sama, usaha tersebut juga perlu dilaksanakan secara sistematik dengan menggunakan teori atau pendekatan terkini. Antaranya ialah teori “Asset-Based Community Development (ABCD)”. Teori ini secara sistematiknya mencadangkan agar potensi dalam bentuk modal komuniti dipetakan. Antara modal komuniti yang disenaraikan ialah modal insan, modal sosial, modal ekonomi, modal semula jadi dan modal budaya. Setiap modal ini menjelaskan secara terperinci potensi yang dimiliki oleh komuniti dan boleh dimanfaatkan untuk tujuan membangunkan mereka.

Khususnya dalam kalangan masyarakat Orang Asli, mereka dikenali sebagai masyarakat tradisional yang memiliki pelbagai potensi yang boleh dimanfaatkan untuk kesejahteraan hidup mereka dan masyarakat lain. Mereka sinonim dengan memiliki kearifan lokal (local wisdom) dalam bentuk pengetahuan tradisional. Selain potensi dalam bentuk itu, Orang Asli juga mempunyai pelbagai potensi lain seperti budaya, ekonomi, alam sekitar dan sebagainya. Namun, secara realitinya, mereka turut terdedah dengan pelbagai perubahan yang berlaku sama ada secara langsung atau tidak langsung dan ini berlaku akibat dari interaksi mereka dengan persekitaran. Justeru, adalah penting untuk memetakan potensi tersebut yang bukan sahaja untuk memanfaatkannya bagi menguruskan kemiskinan secara berimpak lestari semata-mata, tetapi boleh menjadi bahan yang baik untuk meneliti perubahan yang berlaku.

Berkaitan dengan kajian pemetaan yang dilakukan di Pos Sungai Rual, Jeli Kelantan ini, memandangkan mereka tinggal di kawasan pinggir bandar yang hanya 10 kilometer (anggaran) jaraknya dari pekan Jeli (dengan menggunakan jalan baharu), ini menjadikan interaksi mereka dengan masyarakat luar adalah perkara biasa. Interaksi ini berlaku sama ada dalam aktiviti pendidikan formal, ekonomi dan sosial. Khusus berkaitan dengan aktiviti ekonomi di Pos Sungai Rual Jeli, mereka telah dilibatkan secara langsung dengan aktiviti ekonomi yang tersusun, iaitu ladang getah dan kelapa sawit. Kedua-dua projek ini diuruskan oleh Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Namun usaha tersebut dimaklumkan sebagai mengalami sedikit cabaran dari aspek pulangan hasil yang kurang memberangsangkan.

Kedudukan ladang getah dan kelapa sawit tersebut adalah terletak dalam penempatan mereka, dan menggunakan sebilangan besar tanah di sekitarnya. Dari satu sudut, usaha ini merupakan strategi untuk melazimkan Orang Asli dengan aktiviti ekonomi moden dan memperoleh sumber pendapatan yang tetap. Namun, dari sisi yang lain, penggunaan jumlah tanah yang besar menyebabkan kawasan pencarian sumber hutan berkurangan. Orang Asli tempatan perlu mendapatkan sumber hutan jauh dari penempatan mereka, termasuklah perlu ke jajahan Kuala Krai dan Gua Musang.

Dengan meneliti elemen potensi dan permasalahan yang dihadapi oleh Orang Asli di Pos Sungai Rual, pemetaan komuniti perlu dilaksanakan. Bagi InsPeK, potensi yang dikenal pasti, akan dapat membantu mereka dan pemegang taruh lain untuk bukan setakat dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi, tetapi juga dapat dimanfaatkan untuk merancang strategi bagi keluar dari perangkap kemiskinan.

## OBJEKTIF PEMETAAN

- Memetakan modal komuniti dalam kalangan komuniti Orang Asli di Pos Sungai Rual, Jeli.
- Mencadangkan program pemerksaan ekonomi berasaskan potensi yang terdapat pada Orang Asli di Pos Sungai Rual, Jeli.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini melibatkan ketua isi rumah (KIR) di Pos Sungai Rual dan dilaksanakan berasaskan kajian jangka masa panjang jenis 'longitudinal panel'. Kajian longitudinal panel melibatkan penelitian untuk tempoh masa panjang, iaitu selama enam (6) tahun yang mana data akan dikumpulkan setiap dua (2) tahun, iaitu tahun 2017, 2019 dan 2021. Kajian ini melibatkan empat (4) kampung Orang Asli di Pos Sungai Rual, iaitu 1) Kampung Sungai Rual, 2) Kampung Seberang, 3) Kampung Kalok, dan 4) Kampung Manok. Dari aspek sejarahnya, Pos Sungai Rual dibuka pada tahun 1972 yang mana sebelumnya penduduk Orang Asli Sg. Rual tinggal di merata tempat di sekitar Jajahan Jeli. Keluasan Pos Sungai Rual adalah seluas 1630 ekar (659 hektar) oleh pihak berkuasa Kerajaan Negeri. Pada 03 Disember 2013, Pos Sungai Rual telah diwartakan sebagai kawasan Orang Asli (PTG.KN.25/1/1360) (JAKOA, 2017).

Menurut bancian JAKOA sehingga Disember 2016, berikut adalah populasi penduduk di Pos Sungai Rual:

Bil	Kampung	Bil. KIR	Bil. Penduduk		Jumlah
			L	P	
1	Kg Manok	87	150	168	318
2	Kg Sungai Rual	21	47	50	97
3	Kg Seberang	48	95	90	185
4	Kg Kalok	37	62	58	120
	<b>Jumlah</b>	<b>193</b>	<b>354</b>	<b>366</b>	<b>720</b>




Kajian ini dibangunkan berasaskan teori Pembangunan komuniti berasaskan Aset (Asset based Community Development - ABCD) yang mana teori ini memerlukan potensi yang ada pada komuniti dalam bentuk modal komuniti diterokai. Modal komuniti yang terlibat dalam kajian ini ialah modal insan, ekonomi, sosial, budaya dan modal semula jadi. Seramai 133 orang Ketua Isi Rumah (KIR) di perkampungan Orang Asli Sungai Rual, Jeli telah dilibatkan dalam proses pengumpulan data. Data dikumpulkan dengan menggunakan borang soal selidik khas dan data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS yang melibatkan penggunaan statistik deskriptif.

Data juga dikumpulkan dengan menggunakan kaedah nominal group technique (NGT). NGT ialah kaedah pengumpulan data yang ringkas, padat dan efisien untuk meneroka isu yang dikaji dan mampu memberi hasil kajian serta-merta. Proses NGT mempunyai empat (4) fasa, iaitu mengenal pasti masalah, mengenal pasti keperluan, mengenal pasti potensi komuniti dan keempat, pengelompokan partisipan ke dalam Kumpulan Kecil Pemerksaan Ekonomi (KKPE). Dari fasa pertama hingga ketiga, setiap fasa tersebut mempunyai dua peringkat, iaitu peringkat pertama sumbang saran (brainstorming); dan peringkat kedua, menentukan keutamaan.

Fasa pertama, peringkat pertama adalah untuk meneroka masalah ekonomi yang dihadapi komuniti. Manakala peringkat kedua melibatkan penentuan keutamaan masalah yang disenaraikan. Bagi Fasa Kedua, peringkat satu, ia melibatkan usaha mengenal pasti keperluan dalam ekonomi komuniti. Seterusnya peringkat dua menentukan keutamaan keperluan tersebut. Bagi fasa tiga, peringkat satu, ia melibatkan penerokaan potensi ekonomi komuniti dan peringkat dua melibatkan menyusun keutamaan potensi ekonomi yang dipercayai oleh komuniti.


Fasa terakhir adalah pengelompokan, kesemua partisipan kajian dikelompokkan ke dalam dua kelompok kecil pemeraksanaan ekonomi (KKPE). Setiap dari mereka ditempatkan ke dalam kumpulan ekonomi khusus yang akan menggerakkannya mengikut perancangan bersama UMK, komuniti dan agensi lain kelak. Penglibatan komuniti adalah secara sukarela dan berasaskan keinginan yang kuat untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi.

Bagi peringkat permulaan ini, NGT melibatkan seramai sebelas (11) orang KIR dari empat (4) buah kampung di Pos Sungai Rual. Penglibatan mereka adalah secara sukarela dan berasaskan keinginan yang kuat untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi. Hasil kajian dibentangkan mengikut fasa bagi memastikan setiap masalah, keperluan dan potensi dinyatakan dengan sistematik dan jelas.






**HASIL KAJIAN KUANTITATIF  
PEMETAAN MODAL KOMUNITI**




**Carta 1. Suku kaum KIR.**  
Majoriti penduduk adalah **Jahai** disamping (3) suku kaum lain

Tidak semua KIR dari suku Jahai, sebaliknya terdapat juga dari suku lain, iaitu Bateq, Temiar dan Mendriq. Ini bermakna, mereka sudah biasa berinteraksi dengan suku lain dalam sempadan fizikal yang sama.



**Carta 2. Umur KIR.**  
Majoriti KIR adalah **golongan muda**, iaitu awal belia dan pertengahan belia.

Hampir separuh KIR adalah dalam golongan muda, iaitu dalam kategori awal belia dan pertengahan belia yang berumur dari 15 hingga 30 tahun. Hanya sebilangan kecil dalam kategori warga emas. Maksudnya, mereka mempunyai kekuatan demografi yang boleh dimanfaatkan untuk pelbagai perkara.




**Carta 3. Pendidikan tertinggi KIR.**  
Majoriti KIR mempunyai pendidikan formal.

Majoriti KIR mempunyai latar belakang pendidikan formal, iaitu kebanyakan KIR bersekolah rendah dan bersekolah menengah. Walau bagaimanapun, KIR yang tidak pernah bersekolah juga tinggi. Rumusannya, mereka sudah biasa dengan sistem arus perdana dan mempunyai potensi untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi moden kerana mempunyai sijil tertentu.




**Carta 4. Status pekerjaan KIR.**  
Majoriti KIR mempunyai pekerjaan

Majoriti KIR mempunyai pekerjaan, namun ada sebahagian kecil tidak bekerja atas pelbagai faktor termasuklah disebabkan faktor umur dan bersara. Meskipun begitu, kebanyakan pekerjaan mereka adalah tidak tetap.



**Carta 5. Jenis pekerjaan KIR.**  
Majoriti KIR adalah bekerja sendiri.

Dari jumlah KIR yang bekerja, majoriti adalah bekerja sendiri seperti mencari hasil hutan, berkebun dan tidak mempunyai majikan. Sebilangan kecil sahaja KIR yang mempunyai majikan. Ini memberi gambaran bahawa mereka tidak mempunyai pendapatan yang tetap, namun mampu berdikari.



**Carta 6. Pendapatan KIR.**

**Majoriti KIR** mempunyai pendapatan bulanan di bawah RM580.


Kebanyakannya KIR mempunyai pendapatan di bawah RM580 sebulan. Tanpa mengira pendapatan ahli isi rumah (AIR), KIR boleh dikategorikan sebagai miskin tegar.



**Carta 7. Pendidikan tertinggi pasangan KIR.**


**Majoriti pasangan KIR** mempunyai pendidikan formal.

Kebanyakannya pasangan KIR mempunyai latar belakang pendidikan formal, dengan tahap pendidikan menengah adalah lebih tinggi berbanding tahap lain. Namun, peratus pasangan KIR tidak pernah bersekolah juga tinggi.




**Carta 8. Status pekerjaan pasangan KIR. Lebih separuh pasangan KIR adalah bekerja.**

Pasangan KIR lebih separuh adalah bekerja, ini bermakna lebih separuh dari isi rumah Orang Asli mempunyai dua punca pendapat. Ini termasuklah pasangan yang membantu KIR dalam pekerjaan.




**Carta 9. Jenis pekerjaan pasangan KIR. Pekerjaan pasangan KIR adalah bekerja sendiri.**

Hampir keseluruhan pasangan KIR yang bekerja adalah bekerja sendiri dan tanpa majikan seperti berkebun dan mengumpul hasil hutan. Pekerjaan pasangan adalah membantu pekerjaan yang dilakukan oleh KIR dalam mendapatkan pendapatan dan tidak menjadi sumber tambahan pendapatan yang signifikan untuk keluarga.



**Carta 10. Pendapatan bulanan pasangan KIR. Hampir semua pasangan KIR mempunyai pendapatan bulanan di bawah RM580.**

Pendapatan pasangan KIR yang kebanyakannya adalah di bawah RM580 sebulan. Pendapatan ini hampir sama dengan pendapatan KIR dan menunjukkan bahawa pendapatan tersebut adalah dikongsi bersama antara KIR dan pasangannya.



**Carta 11. Bilangan anak.**  
**Kebanyakan KIR mempunyai 4 hingga 5 orang anak.**  
 Namun ada juga yang tidak mempunyai anak.


Bilangan anak yang paling ramai adalah antara 4 hingga 5 orang anak. Namun, bilangan pasangan yang tidak mempunyai anak juga besar. Fakta ini menunjukkan bilangan ahli keluarga semakin mengecil dalam kalangan Orang Asli.



PURATA	3
PENENGAH	3
MOD	1


**Jadual 1. Ringkasan bilangan anak.**  
**Purata anak KIR adalah seramai 3 orang.**

Purata anak KIR adalah seramai 3 orang, penengahnya juga adalah 3 orang dengan mod adalah 1. Ini bermaksud, bilangan anak dalam keluarga Orang Asli tidak lagi ramai seperti sebelumnya.



**Carta 12. Jantina anak.**  
**Anak perempuan paling ramai dimiliki oleh KIR berbanding anak lelaki.**

KIR memiliki anak perempuan yang paling ramai berbanding anak lelaki. Walau bagaimanapun, perbezaan tersebut tidaklah ketara.



**Carta 13. Bilangan isi rumah.**  
**Bilangan isi rumah paling ramai adalah antara 3 hingga 5 orang.**

Bilangan isi rumah paling ramai adalah antara 3 hingga 5 orang. Namun, masih terdapat bilangan ahli keluarga yang besar dalam sesebuah rumah. Ini memberi gambaran bahawa berlakunya transisi dari keluarga besar kepada keluarga nukleus.



PURATA	5
PENENGAH	5
MOD	3

**Jadual 2. Ringkasan bilangan ahli isi rumah.**  
**Purata ahli isi rumah yang tinggal bersama KIR adalah seramai 5 orang.**


Purata ahli isi rumah yang tinggal bersama KIR adalah seramai 5 orang, penengah adalah 5 orang dengan mod adalah 3. Bilangan ahli isi rumah juga merosot dalam kalangan Orang Asli, antara faktornya adalah bilangan anak semakin mengecil dan pemilihan hidup berasingan dari keluarga besar.



PURATA	3
PENENGAH	3
MOD	2


**Jadual 3. Ringkasan bilangan tanggungan.**  
**Purata individu yang ditanggung KIR adalah seramai 3 orang.**

Purata individu yang menjadi tanggungan KIR adalah seramai 3 orang, penengahnya juga adalah 3 orang dengan mod adalah 2. Ini bermakna, KIR tidak mempunyai tanggungan yang besar.




**Carta 14. Bilangan tanggungan.**  
**Bilangan tanggungan yang paling ramai adalah 2 orang**

Meskipun dalam sesebuah rumah mempunyai ahli isi rumah yang ramai, tidak semua adalah dalam tanggungan KIR. Sebaliknya, bilangan tanggungan yang paling ramai adalah antara 2 hingga 4 orang. Memiliki tanggungan yang ramai adalah sedikit, berbanding dengan KIR yang tidak ada tanggungan.




**Carta 15. Kelahiran dan kematian dalam keluarga bagi tempoh 2 tahun (2015-2016). Kelahiran dalam komuniti lebih tinggi berbanding kematian.**

Peratus kelahiran dalam keluarga adalah lebih tinggi berbanding kematian. Majoriti kelahiran adalah 1 kelahiran dalam keluarga, begitu juga dengan kematian.




**Carta 16. Penghijrahan keluar dan masuk dalam tempoh dua (2) tahun (2015-2016). Ahli komuniti berhijrah keluar adalah lebih tinggi berbanding penghijrahan masuk.**

Peratus ahli keluarga KIR berhijrah keluar adalah lebih tinggi berbanding penghijrahan masuk ke kembali dalam komuniti. Bilangan yang besar adalah berjumlah tiga (3) dalam keluarga tertentu.



Peratus ahli keluarga yang berkahwin muda, iaitu di bawah umur 18 tahun lebih tinggi berbanding berkahwin pada usia 30 tahun ke atas. Manakala pasangan yang lambat memperoleh anak selepas 2 tahun berkahwin adalah rendah. Ringkasannya, wujudnya keluarga muda dalam kalangan Orang Asli dan dalam masa yang sama masalah untuk memperoleh anak juga berlaku.

**Carta 17. Perkahwinan dan kelahiran dalam keluarga.**  
**Peratus ahli keluarga berkahwin muda adalah tinggi dan pasangan yang lambat mendapat anak adalah rendah.**



Bilangan keluarga yang mempunyai ahli dari kalangan warga emas, berpenyakit kronik dan mempunyai kelainan upaya (OKU) adalah rendah. Namun ketara, ahli keluarga yang berpenyakit kronik adalah secara relatifnya tinggi berbanding dengan bebanan lain. Ini bermakna, penyakit kronik merupakan penyakit yang semakin wujud dalam kalangan Orang Asli.


**Carta 18. Penyakit kritikal, OKU & Warga Emas dalam keluarga.**  
**Bilangan ahli keluarga yang mempunyai penyakit kronik adalah kecil.**



# PEMETAAN


*Modal Insan*





**Carta 19. Tahap Modal Insan.**  
**Modal insan berada pada tahap sederhana dalam semua jenis modal insan.**


Tahap modal insan keseluruhannya adalah pada tahap sederhana, manakala seimbang antara tahap tinggi dan rendah. Modal insan tradisional turut menunjukkan pola sama, iaitu modal insan tradisional berada pada tahap sederhana, dan seimbang antara tahap tinggi dan rendah. Pola modal insan kontemporeri sedikit berbeza meskipun modal insan kontemporeri adalah tahap sederhana, namun ketara berbeza antara tahap rendah dan tinggi. Ini bermakna, mereka mula meninggalkan modal insan tradisional dan menumpukan kepada modal insan kontemporeri.



**Carta 20. Kemahiran Modal Insan Tradisional.**  
**Kemahiran modal insan tradisional adalah seimbangan antara mahir dan tidak mahir, dan ia bergantung pada jenis modal insan berkaitan.**

Kemahiran modal insan tradisional adalah berbeza-beza mengikut jenis modal insan. Juga ia bergantung pada pertukaran nilai wang, permintaan luar dan kewujudan sumbernya seperti sumber untuk makanan dan herba hutan. Namun, ketara perbezaan pemilikan mahir dan tidak mahir antara KIR.

Kesimpulannya, kemahiran modal insan adalah seimbang antara mahir dan tidak mahir. Ia dipengaruhi oleh permintaan luar dan pertukaran nilai wang. Namun, jurang antara KIR yang mahir dan tidak mahir dalam modal insan tradisional adalah ketara berlaku.




### Carta 21. Kemahiran Modal Insan Kontemporari.

**Kemahiran modal insan kontemporari adalah seimbangan antara mahir dan tidak mahir. Modal insan yang mahir adalah berkaitan dengan apa yang kerap dipraktikkan.**

Kemahiran modal insan kontemporari berbeza mengikut jenis modal insan dan bergantung pada modal insan yang kerap digunakan seperti menguruskan sawit dan getah serta menjadi pekerja kepada kedua-dua modal insan tersebut. Namun, kemahiran modal insan 3M (membaca, menulis dan mengira) adalah membimbangkan dan wujudnya jurang yang ketara.


Kesimpulannya, KIR mahir dalam modal insan kontemporari meskipun berbeza dari modal insan tradisional. Namun, bergantung pada modal insan yang dipraktikkan seharian. Sungguhpun demikian, wujudnya jurang yang ketara antara kemahiran modal insan kontemporari dalam kalangan KIR.



**Carta 22. Keperluan Modal Insan Tradisional.**  
Keperluan pada modal insan tradisional adalah berbeza-beza dan bergantung pada kebolehcapaian serta ada untuk pertukaran nilai wang.

Mencari herba, sumber makanan dan sumber hutan dari hutan merupakan modal insan tradisional yang paling diperlukan oleh KIR. Selain dari itu, tidak sampai separuh KIR yang memerlukannya.

Kesimpulannya, hanya modal insan tradisional yang ada permintaan dari luar dan mempunyai nilai pertukaran wang sahaja diperlukan KIR.



**Carta 23. Minat pada modal insan kontemporari.**  
KIR mempunyai minat yang berbeza-beza pada modal insan kontemporari yang berbeza.

Modal insan kontemporari berkaitan getah paling diminati KIR, sebaliknya rendah minat pada modal insan yang jarang digunakan dan tidak ada dalam komuniti.

Kesimpulannya, hanya modal insan kontemporari yang sering digunakan, punca pendapatan dan ada permintaan yang stabil sahaja diminati oleh KIR.

# PEMETAAN

*Modal Sosial*






**Carta 24. Tahap Modal Sosial.**  
Modal sosial berada pada tahap tinggi

Modal sosial keseluruhannya adalah pada tahap tinggi, dan sedikit pada tahap sederhana dan rendah. Hubungan KIR dengan ahli keluarga dan komuniti (modal sosial ikatan) adalah tinggi. Begitu juga dengan pihak luar (modal sosial jaringan), termasuklah dengan pihak berkuasa tempatan dan berkepentingan, majoritinya adalah tinggi.

Kesimpulannya, modal sosial KIR semuanya adalah tinggi, yang bermaksud hubungan mereka adalah akrab dengan kebanyakan individu yang berhubung dengan mereka, sama ada dalam komuniti atau dengan berpihak berautoriti.




**Carta 25. Konflik Modal Sosial.**  
Hanya sebilangan kecil mempunyai konflik dengan modal sosial.

Hampir tidak wujud konflik antara KIR dan modal sosial. Jika ada sekalipun, konflik tersebut adalah berlaku dengan individu yang kerap berhubung dengan mereka. Ini memberi gambaran bahawa Orang Asli tidak hidup dalam konflik antara orang lain.



# PEMETAAN


*Modal Ekonomi*



**Carta 26. Pemilikan Aset Beku.**  
**Kebanyakan KIR mempunyai aset beku.**

Pemilikan modal ekonomi dalam bentuk aset beku adalah tinggi dalam kalangan KIR kecuali aset yang terhad ditawarkan sebelum ini, iaitu ladang kelapa sawit. Lebih separuh KIR menegaskan bahawa ianya adalah mencukupi.


Kesimpulannya, KIR telah memiliki aset beku yang boleh dimanfaatkan untuk jangka masa yang panjang.



**Carta 27. Pemilikan aset cair**  
**Lebih separuh KIR mempunyai simpanan dan ianya mencukupi.**


Lebih separuh KIR memiliki modal ekonomi dalam bentuk aset cair. Paling banyak ialah simpanan, dividen RISDA dan FELCRA. Dari jumlah tersebut, lebih separuh KIR menyatakannya adalah mencukupi untuk mereka.

Kesimpulannya, lebih separuh KIR mempunyai persiapan dalam bentuk wang yang boleh digunakan dengan segera.




**Carta 28. Penerimaan & Keperluan Bantuan. KIR menerima bantuan yang sepatutnya dan keperluannya adalah tinggi.**

Bantuan yang biasa dan masih dalam peruntukan kebanyakannya diterima oleh KIR. Ini termasuklah bantuan khusus yang dirancang kepada mereka. Setiap bantuan yang diberikan adalah sememangnya apa yang diperlukan oleh KIR. Ini bermaksud tidak ada ketirisan berlaku dan bantuan yang diberikan adalah sesuai dengan keperluan mereka.



**Carta 29. Masalah berkaitan Sumber Pendapatan. Masalah yang ketara berlaku ialah sumber hutan semakin sukar untuk diperoleh dan semakin berkurangan.**


Sumber hutan untuk kegunaan aktiviti ekonomi semakin sukar untuk dimanfaatkan akibat dari sumber yang semakin sedikit, masalah permintaan dari pasaran luar dan kurangnya ilmu pengetahuan berkaitan. Ini bermakna, mereka berhadapan dengan masalah untuk meneruskan aktiviti ekonomi berasaskan tradisional.



- Mempunyai ladang diuruskan sendiri
- Mempunyai perniagaan diuruskan sendiri
- Menjual sumber hutan sendiri
- Memproses sumber hutan kepada bentuk yang boleh dijual
- Menanam sumber hutan tertentu untuk dijual
- Mempunyai perniagaan diuruskan secara kelompok (dengan Orang Asli lain)


**Carta 30. Pengetahuan & Hasrat Terlibat dalam aktiviti ekonomi. KIR mempunyai hasrat yang tinggi untuk terlibat dan tahu berkaitan aktiviti ekonomi yang dikawal mereka sendiri.**

KIR mempunyai minat untuk mengusahakan aktiviti ekonomi yang boleh mereka mengawalinya. Ini termasuk aktiviti ekonomi baharu dan tradisional. Minat tersebut adalah selari dengan pengetahuan yang dimiliki oleh mereka. Ini bermakna, mereka mahu berdikari dengan mengawal sendiri aktiviti ekonomi yang mereka ceburi kerana memiliki pengetahuan yang mencukupi.



**Carta 31. Penilaian program ekonomi dalam komuniti. Program ekonomi yang dilaksanakan dalam kampung berlaku dalam bentuk yang positif.**


Kebanyakan program ekonomi dalam komuniti, berlangsung dengan positif, termasuklah dari aspek kesesuaian dengan potensi, penglibatan dan pengurusan projek. Manakala elemen negatif berkaitan projek berlaku dengan kadar yang rendah. Maksudnya ialah, projek pembangunan ekonomi komuniti berlaku dengan baik walaupun ada sedikit kelemahan.



### Carta 32. Bebanan ekonomi.

Dua keadaan yang paling membebankan KIR, iaitu kos sara hidup dan harga barang keperluan.

Banyak keadaan yang tidak menjadi bebanan ekonomi KIR, seperti bilangan ahli keluarga, pendapatan ahli keluarga dan bantuan yang terhad. Namun, terdapat dua keadaan yang menjadi bebanan ekonomi, iaitu kos sara hidup dan harga barang keperluan. Ini bermakna, Orang Asli turut terkesan dengan kenaikan kos sara hidup.



### Carta 33. Strategi berhadapan bebanan ekonomi.


Dua strategi yang paling dominan, iaitu biarkan dan meminta bantuan.

Bagi berhadapan dengan bebanan ekonomi, dua strategi yang digunakan, iaitu biarkan dan minta bantuan. Biarkan kebanyakan berlaku bagi bebanan ekonomi dalam kawalan mereka. Manakala bebanan di luar kawalan KIR, strategi minta bantuan digunakan.

# PEMETAAN


*Modal Semulajadi*





**Carta 34. Ketersediaan dan keperluan pada Modal Semula jadi.**  
**Modal semula jadi dalam bentuk baharu paling tinggi ketersediaan dalam komuniti dan KIR memerlukan kesemua jenis modal semula jadi khususnya yang boleh meningkatkan pendapatan.**

Kebanyakannya modal semula jadi semakin sedikit tersedia, berbeza dengan modal semula jadi baharu lebih tersedia disebabkan ia menjadi fokus penjaan pendapatan KIR. Sungguhpun begitu, KIR masih perlukan kesemua modal semula jadi, khususnya berkaitan keperluan hidup seperti makanan dan perubatan. Ini bermaksud, keterikatan mereka dengan modal semula jadi masih lagi ada. Cuma mereka lebih perlukan sumber yang boleh meningkatkan pendapatan mereka.




**Carta 35. Kekerapan akses Modal Semula Jadi.**  
**KIR kerap akses kepada modal semula jadi yang menjadi sumber pendapatan.**

Modal semula jadi yang mendatangkan pendapatan lebih kerap diakses oleh KIR. Ini termasuk juga modal semula jadi untuk kelangsungan mereka seperti makanan. Ini bermaksud, mereka terkesan dengan desakan persekitaran yang memerlukan wang bagi meneruskan kehidupan, justeru, mereka menumpukan kepada modal semula jadi yang boleh memberi pendapatan kepada mereka sahaja.




# PEMETAAN

*Modal Budaya*



**Carta 36. Kesiediaan untuk berubah.**  
Kebanyakan KIR adalah bersedia untuk berubah.

KIR adalah bersedia untuk berubah dan sedang berubah. Namun ada sebahagian KIR yang tidak mahu berubah. Sungguhpun demikian, mereka sememangnya sedar bahawa mereka perlu berubah mengikut keperluan semasa.



**Carta 37. Kesan perubahan.**  
Perubahan persekitaran memberi kesan kepada KIR.

Perubahan pada persekitaran KIR memberi kesan kepada mereka yang merangkumi elemen budaya, identiti fizikal, kesihatan, pendidikan dan sistem. Ini bermaksud, mereka tidak terkecuali dari terkesan dengan perubahan dalam pelbagai bentuk yang berlaku di persekitaran mereka.

**Carta 38. Strategi berhadapan perubahan.**  
Strategi paling ketara digunakan KIR ialah meminta bantuan dan meningkatkan kemahiran baharu

KIR memilih tindakan memohon bantuan dari luar untuk teruskan hidup dan meningkatkan kemahiran baharu tatkala berhadapan dengan perubahan. Mereka juga tidak memilih untuk meninggalkan kampung halaman dan cuba menyesuaikan diri dengan perubahan. Ini bermakna, mereka tidak mempunyai banyak pilihan untuk berhadapan dengan perubahan, kecuali teruskan hidup dalam kampung mereka.

# HASIL KAJIAN KUALITATIF

## PROGRAM PEMERKASAAN EKONOMI BERASASKAN POTENSI



**Sebelas (11) masalah yang dihadapi oleh Orang Asli, iaitu:**

Kurangnya sokongan untuk Orang Asli usahakan dan teruskan aktiviti ekonomi.

Pihak tertentu kurang mahu menerima pandangan dan hasrat dari Orang Asli sendiri.

Pesimis pada kemampuan Orang Asli.

Aktiviti ekonomi Orang Asli tidak konsisten.

Kurang daya untuk merealisasikan projek ekonomi yang dimaklumkan awal.

Projek yang kurang memberi impak kepada Orang Asli.


Tidak ada pendapatan yang tetap (bergantung pada keadaan hasil ladang sedia ada).

Tidak ada tempat yang sesuai untuk melaksanakan projek ekonomi.

Sumber hutan (herba dan bahan lain) yang semakin pupus.

Orang Asli tidak jelas arah sistem pendidikan untuk ahli keluarga.

Nilai praktikal dari sistem pendidikan tidak sama dengan apa yang disangkakan oleh Orang Asli.



**Susunan mengikut keutamaan masalah yang dihadapi oleh Orang Asli Sungai Rual:**

Nilai praktikal dari sistem pendidikan tidak sama dengan apa yang disangkakan oleh Orang Asli.

Pesimis pada kemampuan Orang Asli.

Aktiviti ekonomi Orang Asli tidak konsisten.

Tidak ada pendapatan yang tetap (bergantung pada keadaan hasil ladang sedia ada).

Orang Asli tidak jelas arah sistem pendidikan untuk mereka.

Pihak tertentu kurang mahu menerima pandangan dan hasrat dari Orang Asli sendiri.

Kurangnya sokongan untuk Orang Asli usahakan dan teruskan aktiviti ekonomi.

Kurang daya untuk merealisasikan projek ekonomi yang dimaklumkan awal.

Projek yang kurang memberi impak kepada Orang Asli.

Tidak ada tempat yang sesuai untuk melaksanakan projek ekonomi.

Sumber hutan (herba dan bahan lain) yang semakin pupus.

Hasil kajian NGT menunjukkan, tiga belas (13) projek yang diperlukan Orang Asli Sungai Rual, iaitu:

- Ternakan ikan keli
- Tanaman pisang
- Tanaman tebu
- Ternakan kambing
- Ternakan lembu
- Kedai runcit
- Ubi keledek
- Tanaman cili
- Betik
- Nanas
- Pusat perniagaan komuniti
- Kraf tangan
- Herba

**FASA KEDUA MENGENAL PASTI KEPERLUAN**

Susunan keutamaan keperluan projek ekonomi, iaitu:

- Ternakan ikan keli
- Tanaman pisang
- Tanaman tebu
- Tanaman cili
- Pusat perniagaan komuniti
- Ternakan kambing
- Herba
- Ternakan lembu
- Kedai runcit
- Ubi keledek
- Betik
- Nanas
- Kraf tangan

Enam (6) projek ekonomi yang berpotensi, iaitu:

- Ternakan ikan keli
- Tanaman pisang
- Tanaman tebu
- Pusat perniagaan komuniti
- Tanaman cili
- Ternakan lembu

**A FASA KETIGA MENGENAL PASTI POTENSI B**

Susunan keutamaan projek ekonomi yang berpotensi, iaitu:

- Tanaman pisang
- Tanaman tebu
- Ternakan ikan keli
- Ternakan lembu
- Tanaman cili
- Pusat perniagaan komuniti

## HASIL NOMINAL GROUP TECHNIQUE (NGT)

Dua (2) projek ekonomi diusahakan, iaitu:  
Ikan keli.  
Tanaman pisang.

En. Ramli B. Pisang



En. Salleh B. Busu



En. Napi B. Tanah



En. Rahim B. Pisang



En. Mahmud B. Samad



En. Sukri B. Daun



En. Salim B. Bernas



En. Bidin B. Daun



Berikut adalah pengelompokan partisipan ke dalam Kumpulan Kecil Pemerksaan Ekonomi (KKPE):

## Dua (2) Program Pemindahan Ilmu InsPeK

**Nama Projek:**

Ladang pembangunan contoh Penanaman Pisang di Perkampungan Orang Asli Sungai Rual, Jeli

**Ketua Projek:**

Dr. Ch'ng Huck Ywih,  
Pensyarah Fakulti Sains dan Bumi (FSB), UMK Jeli

**Tempoh pelaksanaan: 1 tahun**



**Nama Projek:**

Penternakan Ikan Keli

**Ketua Projek:**

Dr. Muhammad Fais Mohd Amin,  
Pensyarah Fakulti Sains dan Bumi (FSB), UMK Jeli

**Tempoh pelaksanaan: 1 tahun**





**RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

## PERINCIAN RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

### MODAL KOMUNITI

Pemetaan Demografi

### RUMUSAN

Orang Asli mempunyai kekuatan demografi dari aspek umur yang produktif, pendidikan dan keupayaan untuk bekerja.

Ramai pasangan KIR yang bekerja, namun hanya sebagai membantu kerja yang dilakukan oleh KIR. Ia tidak menjadi sumber tambahan pendapatan yang signifikan untuk keluarga.

Bilangan ahli keluarga semakin mengecil dan pembentukan keluarga nukleus.

Peratus ahli keluarga KIR berhijrah keluar adalah lebih tinggi berbanding penghijrahan masuk ke kembali dalam komuniti.

### IMPLIKASI

Orang Asli mempunyai potensi untuk menceburi aktiviti ekonomi arus perdana.

Wanita Orang Asli mempunyai keazaman untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi meskipun hanya sebagai membantu KIR dalam kerja yang sedia ada. Namun, dengan pendekatan tersebut, pendapatan tidak akan bertambah dengan signifikan.

KIR muda tidak lagi hidup bersama dengan keluarga luas atas banyak faktor termasuklah faktor pemberian rumah untuk setiap KIR. Bilangan anak dan tanggungan juga kecil, ini memberi peluang kepada mereka untuk menumpukan kepada keluarga kecil untuk pelbagai perkara.

Penghijrahan keluar berlaku disebabkan banyak faktor, seperti perkahwinan dan pekerjaan. Namun, penghijrahan keluar dari sudut negatifnya boleh mengurangkan sumber tenaga produktif yang boleh digunakan untuk bersama membangunkan komuniti.

### CADANGAN

Perlu dibekalkan kemahiran kontemporari yang sesuai dengan minat dan persekitaran.

Wanita perlu dirancang dan didorong untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi yang lebih berdayaupaya (empowerment) dan tidak berkaitan dengan kerja KIR. Dalam masa yang sama, diterokai projek ekonomi yang boleh diuruskan wanita.

Usaha memberi pendidikan berasaskan keluarga boleh dipraktikkan. Strategi ini lebih berkesan kerana lebih fokus dan komprehensif.

Aktiviti ekonomi khususnya perlu diwujudkan dan melibatkan semua pihak, khususnya golongan muda dalam komuniti. Dalam masa yang sama, perlukan program latihan khas untuk belia.

## PERINCIAN RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

### MODAL KOMUNITI

Modal Insan

### RUMUSAN

Modal insan keseluruhannya berada pada tahap sederhana. KIR tidak lagi menguasai modal insan tradisional. Mereka mulai meninggalkan modal insan tradisional dan memberi tumpuan kepada modal insan kontemporari.

Keperluan pada modal insan tradisional adalah berbeza-beza dan bergantung pada kebolehcapaian serta ada kepentingan untuk pertukaran wang.

### IMPLIKASI

Modal insan tradisional dan kontemporari berada pada tahap sederhana yang membawa maksud bahawa berlakunya transisi penggantian modal insan tradisional kepada kontemporari. Implikasinya, ada kemungkinan modal insan tradisional akan ditinggalkan. Namun ia tetap meletakkan Orang Asli dalam keadaan tidak menguntungkan kerana modal insan kontemporari juga tidak banyak memberi keuntungan dari aspek sebagai sumber pendapatan yang konsisten kepada mereka akibat dari hasil yang tidak memberangsangkan. Modal insan tradisional merupakan sebahagian daripada identiti tradisional Orang Asli, justeru ia perlu dipelihara.

Sebagai kesannya, Orang Asli mula memilih modal insan yang ada kepentingan wang sahaja dan seterusnya meninggalkan modal insan yang tidak mempunyai kepentingan tersebut.

### CADANGAN

Usaha mendokumentasikan modal insan tradisional perlu dilakukan segera. Juga, usaha mensosialisasikan generasi Orang Asli dengan modal insan tradisional perlu dilakukan secara praktikal dan bukannya hanya proses pembelajaran mengetahui konsepnya sahaja.

Modal insan tradisional perlu ditambah nilai, sama ada dari aspek pendekatan penanaman dan ke atas produk itu sendiri. Produk yang dijual tidak lagi dalam bentuk mentah, sebaliknya dalam bentuk yang telah diproses. Ini memberikan pendapatan yang lebih baik kepada Orang Asli.

## PERINCIAN RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

### MODAL KOMUNITI

Modal Sosial

### RUMUSAN

Hubungan KIR dengan ahli keluarga dan komuniti (modal sosial ikatan) adalah tinggi. Begitu juga dengan pihak luar (modal sosial jaringan), termasuklah dengan pihak berkuasa tempatan dan berkepentingan. Konflik dengan modal sosial adalah rendah.

KIR telah memiliki aset beku yang boleh dimanfaatkan untuk jangka masa yang panjang. Mereka juga mempunyai persiapan dalam bentuk wang yang boleh digunakan segera.

### IMPLIKASI

Hubungan yang baik dengan pelbagai pihak merupakan satu keadaan yang sesuai untuk tujuan perundingan pembangunan kampung dan program lain sama ada berkaitan ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Lebih-lebih lagi mereka mempunyai konflik yang rendah dengan kenalan mereka.

Pemilikan aset beku yang boleh digunakan untuk jangka masa panjang boleh menjadi jaminan kepada masa hadapan mereka. Mereka juga mempunyai wang untuk membeli keperluan asas walaupun tidak sepenuhnya mencukupi.

### CADANGAN

Hubungan baik yang sedia ada tanpa konflik perlu terus dipelihara melalui pelbagai pengisian yang bersifat konsisten. Dalam masa yang sama, hubungan yang baik tersebut perlu dimanfaatkan dengan melaksanakan program yang berimpak secara bersama. Ini termasuklah dalam usaha membuat pilihan, keputusan, pelaksanaan dan pemantauan.

Projek pembangunan yang memberikan pendapatan konsisten perlu diberikan perhatian, ini termasuklah dengan memberi tumpuan kepada projek ekonomi yang mempunyai permintaan berterusan. Dalam masa yang sama, mereka perlu diberikan pengetahuan menabung bagi memastikan mereka mempunyai wang mencukupi sekiranya berhadapan dengan keadaan tertentu.

## PERINCIAN RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

MODAL KOMUNITI	RUMUSAN	IMPLIKASI	CADANGAN
<p>Modal Ekonomi</p>	<p>KIR menerima bantuan yang sepatutnya dan keperluannya adalah tinggi.</p> <p>Masalah ketara berlaku ialah sumber hutan semakin sukar untuk diperoleh dan semakin berkurangan. Ini menjadi cabaran kepada mereka untuk meneruskan aktiviti ekonomi berasaskan modal insan tradisional.</p>	<p>Bantuan yang diterima akan memberi imej yang positif kepada agensi berkaitan, lebih-lebih lagi bantuan yang diberikan merupakan bantuan yang bertepatan dengan apa yang diperlukan. Meskipun bantuan yang diberikan menunjukkan betapa pihak agensi/ kerajaan serius untuk membangunkan Orang Asli, namun bantuan berterusan tanpa memberikan tumpuan kepada pengisian ke arah pendayaupayaan ekonomi (economic empowerment) akan menyebabkan mereka terus bergantung pada agensi berkaitan.</p> <p>Kekurangan sumber hutan berlaku secara semula jadi dan buatan manusia. Semula jadi berlaku disebabkan oleh faktor luar kawalan Orang Asli, manakala buatan manusia merupakan elemen yang boleh dikawal. Implikasinya, ada kemungkinan sumber hutan tidak lagi tumpuan Orang Asli, sama ada sebagai identiti ataupun sumber pendapatan.</p>	<p>Bagi mengelakkan pergantungan berlaku secara berterusan, perlu ada strategi khas untuk memastikan kebergantungan berkurangan secara tersusun. Justeru, perlu diperbanyakkan kursus-kursus berkaitan di samping projek swadaya diimplementasikan.</p> <p>Sumber hutan berkaitan herba contohnya, perlu ditanam secara arborikultur bagi memastikan kewujudannya berterusan. Juga, pembangunan yang menggunakan kawasan hutan perlu dikawal dan mempertimbangkan kesan ke atas fizikal, sosial dan psikologi Orang Asli.</p>

## PERINCIAN RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

### MODAL KOMUNITI

Modal Ekonomi

### RUMUSAN

Program ekonomi yang dilaksanakan dalam kampung berlaku dalam bentuk yang positif. Justeru, Orang Asli mempunyai hasrat yang tinggi untuk terlibat dan berpengetahuan berkaitan aktiviti ekonomi yang disertai.

Dua keadaan ekonomi yang paling membebankan KIR, iaitu 1) kos sara hidup, dan 2) harga barang keperluan. Bagi berhadapan dengan keadaan tersebut, dua strategi yang digunakan, iaitu 1) biarkan dan, 2) meminta bantuan.

### IMPLIKASI

Memandangkan projek pembangunan ekonomi dalam komuniti berjalan dengan baik, Orang Asli optimis untuk meneruskannya dalam pendekatan yang berbeza. Ini kerana, orientasi Orang Asli terhadap aktiviti ekonomi telah berubah, iaitu inginkan ianya dilaksanakan dalam keadaan yang dikawal oleh mereka.

Orang Asli turut terkesan dengan keadaan ekonomi semasa, khususnya berkaitan kos sara hidup dan harga barangan. Memandangkan pendapatan mereka tidak stabil, ini memberi kesan langsung kepada gaya kehidupan dan penyertaan mereka dalam sistem arus perdana Negara. Lebih-lebih strategi yang digunakan untuk berhadapan dengan keadaan tersebut adalah pasif.

### CADANGAN

Projek pembangunan ekonomi sudah boleh menggunakan orientasi baharu, iaitu melibatkan Orang Asli dalam semua peringkat, yang bermula dari perancangan, pemilihan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian. Ini akan memberi kesan dari aspek pembinaan kapasiti dan pendayaupayaan kepada mereka. Cuma, perlu dilakukan secara berperingkat-peringkat dan dipantau.

Pihak berkuasa perlu terus memberikan bantuan namun secara sistematik bagi mengelakkan kebergantungan terus berlaku. Dalam masa yang sama polisi khusus perlu dibangunkan bagi mengawal kenaikan kos barangan dan sara hidup, khususnya berkaitan Orang Asli.

## PERINCIAN RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

MODAL KOMUNITI	RUMUSAN	IMPLIKASI	CADANGAN
Modal Semula Jadi	Modal semula jadi dalam bentuk baharu paling tinggi ketersediaan dalam komuniti dan KIR memerlukan kesemua jenis modal semula jadi khususnya yang boleh meningkatkan pendapatan.	Secara tradisinya mereka bergantung pada modal semula jadi. Perubahan modal semula jadi dalam bentuk baharu adalah bersesuaian dengan keadaan semasa mereka. Namun, tidak semua modal semula jadi baharu baik untuk mereka kerana ia melibatkan pengambilan tanah yang besar dan penghakisan identiti tradisional.	Penumpuan modal semula jadi yang baharu perlu dilakukan dengan menyeimbangkan dengan modal semula jadi asal. Ini kerana selain ia menjadi identiti Orang Asli tempatan, juga membantu untuk memelihara dan memuliharanya. Justeru, perlu diadakan kawasan yang dikekalkan modal semula jadi dan dalam masa yang sama boleh menjana pendapatan seperti untuk penglibatan dalam eko-pelancongan.
Modal Budaya	Perubahan persekitaran memberi kesan kepada KIR. Dan mereka bersedia untuk berubah. Dua (2) strategi paling ketara digunakan KIR untuk berhadapan dengan perubahan di perkitaran ialah 1) meminta bantuan dan, 2) meningkatkan kemahiran baharu.	Hasil dari interaksi menyebabkan mereka terdedah dengan perbezaan antara nilai tradisional dan moden. Namun mereka terancam kerana tidak mampu untuk terlibat sepenuhnya dalam aktiviti moden dan dalam masa yang sama terpaksa mengorbankan kehidupan tradisional.	Nilai tradisional perlu dipelihara kerana banyak nilai positif di dalamnya. Namun perlu mengambil kira keperluan nilai moden yang tidak dielakkan. Justeru, sesetengah nilai tradisional perlu diperkuatkan lagi disamping meningkatkan keupayaan mereka untuk menjadi 'pemain penting' dalam realiti semasa dengan memindahkan pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian.
NGT	Sebelas (11) masalah yang dihadapi oleh Orang Asli, tiga belas (13) projek yang diperlukan Orang Asli Sungai Rual dan hanya enam (6) projek ekonomi yang berpotensi. Dua (2) projek ekonomi boleh diusahakan, iaitu 1) penternakan ikan keli, dan 2) tanaman pisang. Peserta dikelompokkan ke dalam Kumpulan Kecil Pemerkasaan Ekonomi (KKPE) sebagai strategi pengurusan kemiskinan berfokus.	Penyenaraian masalah, keperluan dan potensi dalam komuniti dari perspektif komuniti boleh memberi alternatif tepat untuk membina strategi menguruskan kemiskinan secara berimpak lestari.	Kesemua masalah, keperluan dan potensi boleh dipantau secara berkesan melalui membina pangkalan data khas, menubuhkan "Makmal Jaringan Sosial" dan menyediakan program pemindahan ilmu dengan dipadankan kepakaran dan kekuatan para pemegang taruh.

## PENUBUHAN “MAKMAL JARINGAN SOSIAL (SOCIAL NETWORK LABORATORY- SNL) INSPEK”

Apa itu “Makmal Jaringan Sosial (SNL)” InsPeK?

SNL InsPeK ialah komuniti miskin yang dipilih oleh InsPeK bagi melaksanakan pengisian berkaitan pengurusan kemiskinan secara berfokus, berkelompok dan bersifat inklusif untuk keluar dari perangkap kemiskinan.

SNL InsPeK menjadi platform kepada para pemegang taruh untuk berkolaborasi dalam menguruskan kemiskinan berasaskan prinsip pembinaan kapasiti (capacity building) bagi membolehkan komuniti mencapai pendayaupayaan holistik (holistic empowerment) secara berimpak lestari.

Objektif SNL InsPeK

Memetakan potensi komuniti miskin terpilih berbentuk pangkalan data sebagai asas empirikal untuk menyediakan program pemindahan ilmu dalam menguruskan kemiskinan secara berimpak lestari.

Menyediakan medium kepada para pemegang taruh untuk bekerja bersama menguruskan kemiskinan melalui pelbagai pengisian.

Mencadangkan pengisian pembinaan kapasiti untuk menguruskan kemiskinan yang dilaksanakan secara kolaborasi antara para pemegang taruh.

Bekerja bersama membentuk komuniti miskin yang berdayaupaya secara holistik.

Output dari SNL

Pemilikan pangkalan data yang komprehensif berasaskan potensi dalam komuniti.

Program kolaborasi yang memanfaatkan kekuatan antara pemegang taruh.

Produk ekonomi yang menjadi identiti baharu komuniti dan menjadi isyarat kepada terkeluarnya dari perangkap kemiskinan.

Komuniti miskin yang dapat menguruskan kemiskinan secara berdayaupaya.

Pengisian yang terlibat

Penyelidikan.  
Program pemindahan ilmu.  
Platform kolaborasi.  
Program sosial.





UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan

**INSTITUT PENYELIDIKAN DAN PENGURUSAN KEMISKINAN (InsPeK)**

Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachok, Kelantan, Malaysia

ISBN 978-967-2229-10-0



9 789672 229100